

29 MAY 2002

Fadzil-Pope

PERTEMUAN MAHATHIR-POPE BOLEH KIKIS SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM, KATA PAS

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City bulan depan boleh mengikis salah faham terhadap Islam terutamanya di kalangan penganut Kristian.

Beliau berkata Perdana Menteri boleh menggunakan pertemuan itu untuk menyampaikan mesej mengenai Islam.

Namun, katanya, beliau tidak fikir pertemuan itu boleh membawa kebaikan kepada masalah rakyat Palestin.

"Masalah yang dihadapi umat Islam sekarang ialah masalah Palestin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Palestin di sini, hari ini.

Fadzil berkata demikian ketika diminta mengulas persetujuan Perdana Menteri untuk menerima jemputan pemimpin tertinggi Katolik itu untuk mengadakan pertemuan menjelang lawatan beliau ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Beliau juga berkata bahawa pada pertemuan itu, ada kemungkinan Dr Mahathir ingin mencari sokongan politik kerana Pope John Paul mendapat sokongan begitu ramai penganut Kristian di Malaysia.

"Kalau perdana menteri berhasrat untuk mendapat keuntungan politik, itu dia boleh dapat tetapi tidak bermakna orang Kristian secara mutlak akan terpengaruh dengan pertemuan itu," katanya.

Ditanya tentang cadangan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) supaya Pas dan Umno mewujudkan perkongsian kuasa untuk kepentingan umat Islam, Fadzil berkata Pas pernah bersama Umno berkongsi kuasa tetapi Umno tidak pernah menunjukkan kejujurannya.

"Jadi soal perkongsian kuasa ini tidak timbul, lagipun Umno sudah berkuasa, kenapa dia nak berkongsi kuasa, umat Islam tidak berpecah cuma kita menerima amalan demokrasi," katanya.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) turut menyambut baik pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pope John Paul II.

Presidennya Datuk Zainal Rampak berkata pertemuan antara Dr Mahathir yang diiktiraf sebagai pemimpin Islam progresif, dinamik dan sederhana dengan Pope adalah langkah permulaan kepada usaha mewujudkan perdamaian dunia.

Dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, beliau berkata pemimpin tertinggi Katolik itu juga patut diberi pujian kerana kesudiannya menjemput Dr Mahathir.

Zainal berkata MTUC yakin pertemuan bersejarah itu akan menyemai bibit-bibit permulaan ke arah proses perdamaian dunia dan mencari penyelesaian kepada konflik di Timur Tengah dan pertikaian antara India dan Pakistan.

-- BERNAMA

BD VG MAM MOZ